



**Pekeling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 7/2009**

**Pecah Bahagian Bagi Tanah Berimilik Yang Tertakluk Kepada
Jenis/Kategori “Pertanian” Atau Kepada Syarat Yang Menghendaki
Kegunaannya Untuk Maksud “Pertanian” Yang
Berkeluasan 2/5 Hektar Atau Kurang**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 7/2009
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 7/2009

Pecah Bahagian Bagi Tanah Berimilik Yang Tertakluk Kepada Jenis/Kategori "Pertanian" Atau Kepada Syarat Yang Menghendaki Kegunaannya Untuk Maksud "Pertanian" Yang Berkeluasan 2/5 Hektar Atau Kurang

Tujuan

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihatkan Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai tatacara permohonan pecah bahagian tanah berimilik yang tertakluk kepada kategori "pertanian" atau kepada syarat yang menghendaki kegunaannya untuk maksud "pertanian" yang berkeluasan 2/5 hektar (1/5 hektar bagi negeri Kelantan) atau kurang berikutan berkuat kuasanya Akta Kanun Tanah Negara (KTN) (Pindaan) 2008 [Akta A1333] pada 1 Januari 2009.

Latar Belakang

2. Sebelum berkuat kuasa Akta A1333, peruntukan KTN tidak membenarkan pecah bahagian bagi tanah berimilik yang tertakluk kepada kategori "pertanian" atau kepada syarat yang menghendaki kegunaannya untuk maksud "pertanian" jika mana-mana umpukan akibat daripada pecah bahagian tersebut kurang daripada 2/5 hektar. Larangan tersebut dijelaskan dalam subperenggan 136(1)(f)(i) KTN yang turut terpakai *mutatis mutandis* melalui peruntukan subseksyen 141(1)(c) KTN. Sebelum pindaan, permohonan bagi pecah bahagian hanya boleh dikemukakan oleh:-

- 2.1 Kesemua tuanpunya bersama; atau
- 2.2 Mana-mana tuanpunya bersama yang disertakan dengan persetujuan bertulis daripada tuanpunya bersama yang lain; atau
- 2.3 Mana-mana tuanpunya bersama yang mempunyai syer majoriti.

3. Selepas pindaan KTN melalui Akta A1333 (selepas ini dirujuk sebagai "Akta ini"), umpukan akibat pecah bahagian tanah kategori "pertanian" atau kepada syarat yang menghendaki kegunaannya untuk maksud "pertanian" yang berkeluasan tidak lagi tertakluk kepada keluasan minimum 2/5 hektar. Melalui Akta ini juga, permohonan pecah bahagian boleh dikemukakan oleh mana-mana tuanpunya tanah bersama tanpa mengira majoriti syer yang dimiliki olehnya atau tanpa mendapat persetujuan daripada tuanpunya bersama yang lain.

4. Bagi membolehkan pecah bahagian tersebut dilaksanakan, maka seksyen 140, 141, 141A, 142 KTN telah dipinda serta menambah seksyen baru iaitu seksyen 143A.

Panduan Pelaksanaan

5. Dalam melaksanakan Akta ini, perkara-perkara berikut hendaklah diberi perhatian:-

- 5.1 Bagi permohonan yang melibatkan tanah berkeluasan melebihi 2/5 hektar dan tiap-tiap umpukan akibat pecah bahagian itu adalah kurang daripada 2/5 hektar, atau umpukannya mengandungi kombinasi lebih dan kurang daripada 2/5 hektar, maka kuasa meluluskan pecah bahagian itu adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

- 5.2 Bagi permohonan yang melibatkan tanah berkeluasan 2/5 hektar atau kurang dan tiap-tiap umpukan akibat pecah bahagian itu juga adalah kurang daripada 2/5 hektar, maka kuasa meluluskan permohonan itu adalah juga di bawah bidang kuasa PBN;
- 5.3 Bagi permohonan-permohonan di subperenggan 5.1 dan 5.2 di atas, Pentadbir Tanah hendaklah mengemukakan permohonan tersebut dengan syornya untuk pertimbangan PBN. Semasa menimbangkan permohonan berkenaan, PBN boleh menetapkan apa-apa syarat kegunaan tanah yang bersesuaian dengan keluasan bagi tiap-tiap umpukan tanah akibat pecah bahagian itu.

Pemakaian

6. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Pekeliling-pekeliling KPTG Bil. 7/1985 (Disemak 2007) dan Bil. 14/1985 (Disemak 2007).

Kuat Kuasa

7. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Jabatan Peguam Negara, mula berkuat kuasa dari tarikh kuat kuasa pemakaian Akta A1333.



(DATO' ABD. HALIM BIN AIN)
Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan

No. Fail: JKPTG(S)/101/KPU/SP&P/1032-3 Jld. 6

Tarikh: 1 Jun 2009